

03 MAY 1996

PEMUDA UMNO TENTANG PAS JIKA TIDAK JUJUR

PASIR PUTEH, 3 Mei (Bernama) -- Pergerakan Pemuda UMNO Kelantan akan menentang PAS habis-habisan jika parti itu tidak jujur meminda perlembagaan Kelantan untuk menghad kuasa dan imuniti Raja-Raja, kata ketuanya Datuk Mohamad Fatmi Salleh.

"Sehingga ini pemuda UMNO Kelantan tidak nampak PAS jujur meminda perlembagaan itu selaras dengan kehendak perlembagaan persekutuan," kataya ketika berucap pada majlis ceramah perdana di sini malam tadi sempena sambutan perayaan 50 tahun UMNO.

Beliau berkata, pemuda UMNO berpendapat pindaan itu dibuat semata-mata mencari helah dan tipu muslihat untuk menyingkir Parti Melayu Semangat 46 (S46) kerana parti itu mempunyai hubungan rapat dengan Istana.

Fatmi berkata, ini kerana kehadiran S46 dalam pentadbiran kerajaan negeri pimpinan Angkatan Perpaduan Ummah dianggap sebagai satu ancaman dan pengacau kepada PAS memerintah Kelantan mengikut selera mereka sendiri.

Beliau berkata, lebih-lebih lagi PAS menganggap S46 menjadi punca keretakan hubungan antara PAS dan Istana Kelantan sejak akhir-akhir ini.

Bagaimanapun Fatmi berkata, pemuda UMNO Kelantan tetap berdiri teguh di belakang Presiden UMNO Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan anggota UMNO dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan menyokong PAS dalam pindaan itu.

-- BERNAMA.

WM AHH